


04/IBUJEJABAT/2025



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

STATUS TERKINI PEMULIHAN SISTEM *AUTOGATE* DI PINTU MASUK UTAMA NEGARA

PUTRAJAYA, 19 JULAI 2025 – Merujuk kepada gangguan sistem *autogate* untuk pelawat asing yang berlaku sejak semalam, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) ingin memaklumkan perkembangan terkini mengenai usaha pemulihan yang sedang giat dijalankan.

AKPS dengan sukacitanya memaklumkan bahawa sistem *autogate* untuk pelawat asing telah mula beroperasi secara berperingkat mulai jam 6:00 petang tadi. Pemulihan separa ini adalah hasil usaha tanpa henti oleh pasukan teknikal AKPS dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Walaupun sistem telah mula berfungsi, ia masih belum pulih sepenuhnya. Kerja-kerja pembaikan dan penstabilan sistem masih lagi diteruskan bagi memastikan ia dapat kembali beroperasi pada kapasiti optimum.

Keadaan di semua pintu masuk utama negara yang terjejas, termasuk KLIA Terminal 1 dan 2, serta Kompleks CIQ di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), adalah terkawal. Langkah-langkah mitigasi seperti pengaktifan kaunter manual dan penugasan anggota tambahan akan diteruskan untuk memastikan aliran pergerakan pelawat asing kekal lancar dan teratur.

AKPS akan terus memastikan sistem kembali pulih bagi memastikan pengoperasian harian pelawat asing keluar masuk ke pintu utama negara dalam keadaan terkawal dan selamat.

AKPS amat menghargai kesabaran dan kerjasama semua pihak sepanjang tempoh ini.

TAMAT

19 Julai 2025

Unit Komunikasi Korporat

Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS)

Kementerian Dalam Negeri (KDN)